

## BANK MAKANAN



Paling mengecewakan adalah sikap masyarakat Islam sendiri yang dilaporkan membazirkan 600,000 tan makanan sepanjang Ramadan tahun lalu”

*Pembaziran perlu dielak demi menjamin bekalan makanan sentiasa mencukupi.*

# Pengurusan cekap elak pembaziran

B/HARIAN MS 46

2/1/19

**K**ami mengalu-alukan inisiatif Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifudin Nasution Ismail yang melancarkan bank makanan, baru-baru ini.

Mengambil kira wujudnya amalan tidak sihat di negara ini apabila ada pihak tidak cukup makanan, selain ada pula yang berlebihan makanan setiap hari, maka usaha sebegini mampu mengelakkan pembaziran.

Jika diteliti di setiap kampung mahupun bandar, pasti ada golongan yang memerlukan bantuan terutama golongan miskin tegar atau mungkin dalam kalangan B40.

Melihatkan ada ribuan asnaf yang layak menerima zakat di setiap negeri sudah cukup mewajarkan bank makanan sebegini digerakkan kerana jutaan ringgit wang zakat diagih kepada golongan fakir miskin dan anak yatim setiap tahun.

### **Pembaziran makanan**

Begitu juga bantuan disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat, selain aktiviti tanggungjawab sosial korporat oleh kebanyakan syarikat swasta dan berkaitan kerajaan (GLC).

Pun begitu, terlalu banyak pembaziran berlaku berikutan ketidakcekapan dan keberkesanan dalam melakukan pengagihan. Masalah pembaziran

makanan di negara kita amat tinggi dan memalukan apabila dianggarkan 3,000 tan makanan yang masih boleh dimakan dibuang setiap hari.

Paling mengecewakan adalah sikap masyarakat Islam sendiri yang dilaporkan membazirkan 600,000 tan makanan sepanjang Ramadan tahun lalu.

Sehubungan itu, satu peraturan berkesan perlu digubal bagi mengatasi pembaziran dengan mengambil contoh undang-undang antipembaziran makanan seperti di Eropah yang mampu mengelak tabiat membazir makanan.

Mekanisme berkesan perlu untuk memastikan lebihan makanan dapat diagihkan kepada

pihak yang memerlukan bagi memastikan program ini mencapai matlamat.

Pada peringkat global, usaha ini sudah digerakkan menerusi Rangkaian Bank Makanan Global yang memiliki 811 pusat di 31 negara untuk makanan diagihkan kepada 7.8 juta orang.

Pembabitan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu untuk memastikan program ini berkekalan, selain menjadikan institusi seperti masjid sebagai pusat pengedaran makanan.

**Mohd Azmi Abdul Hamid**, Pengerusi Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia.